



KETETAPAN MAJLIS MESUARAT KERAJAAN NEGERI

9hb November 2022

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada seluruh warga Selangor.

Majlis Mesuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bermesuarat pada hari ini telah mengambil ketetapan berikut.

1. Gangguan LRT Kelana Jaya

- Kerajaan Negeri dukacita dengan insiden gangguan sistem LRT laluan Kelana Jaya semalam yang menyebabkan operasi 16 stesen LRT ditutup.
- Bagi membantu ribuan pengguna yang terkesan, Kerajaan Negeri akan menyumbang penggunaan 20 unit Bas Smart Selangor mulai esok, 10 November 2022, bagi membantu RapidKL mengatasi masalah gangguan LRT.

2. Selvax-IP Suntikan Pneumococcal

- Bagi meneruskan tekad Kerajaan Negeri untuk memastikan kesihatan rakyat dipelihara, Jawatankuasa Kesihatan Awam serta Selangor Public Health Advisory Council (SELPHAC) akan memulakan usaha Selangor Vaccine Influenza – Pneumococcal dengan 10,000 dos vaksin secara percuma kepada golongan yang dikenalpasti berisiko tinggi dengan peruntukan RM1.5 juta.
- Program ini akan bermula 14hb November dan akan berterusan sehingga 31 Disember 2022 dengan memfokuskan kepada rumah-rumah jagaan orang tua, warga emas serta pemegang kad Iltizam Selangor Sihat (ISS) bagi fasa pertama program ini.
- Program ini akan dilaksanakan melalui dua kaedah, iaitu Selvax Mobile Team serta klinik-klinik Selcare.
- Keputusan ini diambil selepas mengambil kira statistik penyakit-penyakit jangkitan pernafasan yang meningkat dan mendatangkan risiko kepada penduduk di Selangor terutamanya warga emas.



KENYATAAN MEDIA

DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

#SelangorMajuBersama

3. Cuti Umum 18hb November 2022

- Berikutan pendaftaran secara automatik serta penurunan had umur pengundi, Negeri Selangor mempunyai bilangan pengundi paling ramai di seluruh Malaysia iaitu sebanyak 3,677,848.
- Terdapat juga jumlah besar warga Malaysia yang bekerja dan bermastautin di negeri Selangor tetapi mengundi di kampung halaman mereka bertempat di negeri lain.
- Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan secara amnya untuk memberikan cuti umum sehari sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15, iaitu pada Jumaat, 18hb November 2022.
- Pentadbiran ini juga berharap YAB Perdana Menteri dapat memberikan pelepasan yang sama kepada seluruh rakyat Malaysia supaya seramai mungkin rakyat dapat menunaikan tanggungjawab dalam menentukan masa depan negara pada 19hb November 2022.

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI

Dato' Menteri Besar Selangor